


Fokus strategi elak kemalangan lori



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 2023, kemalangan jalan raya menyebabkan kira-kira 1.19 juta kematian setiap tahun dengan negara berpendapatan rendah dan sederhana menyumbang 92 peratus daripada jumlah itu.

Natijahnya, kemalangan maut melibatkan kenderaan berat seperti lori adalah satu isu keselamatan jalan raya yang membimbangkan di banyak negara termasuk Malaysia.

Menurut statistik Jabatan Pengangkutan Jalan pada 2023, lebih 1,000 kemalangan membabitkan lori direkodkan dengan lebih 300 daripadanya mengakibatkan kematian. Ia menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan penguatkuasaan undang-undang, penyelenggaraan kenderaan dan tahap latihan serta kesedaran pemandu lori.

Bagi menanganinya secara menyeluruh, pelbagai langkah boleh diambil. Penguatkuasaan teknologi pintar dalam pemantauan kenderaan berat, salah satu

pendekatan terbukti berkesan. Sistem bantuan pemandu lanjutan (ADAS) seperti brek kecemasan automatik (AEB) dan amaran perlanggaran hadapan telah terbukti mengurangkan kemalangan.

Kajian oleh Institut Insurans Untuk Keselamatan Lebuhraya (IIHS) menunjukkan gabungan amaran perlanggaran dan brek automatik mengurangkan kemalangan hadapan belakang sebanyak 50 peratus dan kemalangan dengan kecederaan, 56 peratus. Di Australia, AEB telah mengurangkan kemalangan sebanyak 55 peratus dan trauma penumpang kenderaan (28 peratus).

Australia juga antara negara berjaya melaksanakan program akses pintar (IAP), iaitu sistem pemantauan satelit yang memeriksa pergerakan lori secara masa nyata. Melalui sistem itu, lori bawa muatan berat perlu dilengkapi peranti GPS yang dikawal pihak berkuasa bagi memastikan kenderaan tidak melebihi had laju, tidak melalui jalan dilarang dan beroperasi ikut masa ditetapkan.

Peningkatan latihan dan lesen profesional pemandu juga dapat dipraktikkan bagi mengurangkan kemalangan. Di Jerman dan Sweden, pemandu lori diwajibkan menjalani latihan intensif sebelum layak mendapatkan lesen memandu kenderaan berat.

Di Jerman, lesen kelas CE untuk lori berat hanya diberikan selepas calon menjalani sekurang-kurangnya 140 jam latihan

termasuk latihan pemanduan defensif dan kawalan kenderaan dalam keadaan kecemasan. Kajian Majlis Keselamatan Pengangkutan Eropah (ETSC) menunjukkan kadar kemalangan melibatkan lori di Jerman, antara yang terendah di Eropah iaitu 1.5 kematian bagi setiap 100,000 kenderaan berat berdaftar.

Penggunaan peranti pengesan kepenatan dan log elektronik sangat penting bagi mengelak kemalangan. Perisian pengesan kepenatan dan peranti log elektronik (ELD) membantu memantau masa pemanduan serta memastikan pemandu mendapat rehat mencukupi. Di Amerika Syarikat, ELD telah menjadi mandatori untuk kenderaan komersial, membantu mengurangkan kemalangan yang berkaitan dengan keletihan.

Langkah lain yang berkesan ialah pengenalan zon larangan lori dan pengawalan masa operasi kenderaan berat. Di Tokyo, Jepun, lori dilarang memasuki kawasan pusat bandar pada waktu puncak pagi dan petang bagi mengurangkan risiko kemalangan. Waktu operasi lori juga dihadkan kepada waktu malam untuk memastikan lalu lintas lebih terkawal.

Menurut data Jabatan Polis Metropolitan Tokyo, Tokyo berjaya mengurangkan kemalangan maut melibatkan lori sebanyak 35 peratus dalam tempoh tiga tahun selepas pelaksanaannya.

Selanjutnya, penyelenggaraan

kenderaan dan pemeriksaan berkala kenderaan berat. Penyelenggaraan lori memainkan peranan penting bagi menjamin keselamatan di jalan raya. Di United Kingdom (UK), semua lori berat diwajibkan menjalani pemeriksaan teknikal tahunan dikenali sebagai MOT for HGVs (kenderaan barangan berat).

Statistik Jabatan Pengangkutan UK menunjukkan penurunan 27 peratus dalam kemalangan akibat kerosakan teknikal selepas penguatkuasaan lebih ketat pemeriksaan itu bermula pada 2015.

Penambahbaikan infrastruktur dan penguatkuasaan undang-undang melibatkan pelaburan dalam infrastruktur jalan raya selamat dan penguatkuasaan undang-undang ketat juga penting.

Di Kenya, selepas kemalangan maut di Londiani yang mengorbankan 52 nyawa pada Jun 2023, kerajaan telah memperkenalkan langkah keselamatan seperti pemasangan kamera kelajuan, pemindahan peniaga jalanan ke pasar ditetapkan dan ujian semula pemandu kenderaan komersial.

Malaysia perlu meneliti dan menyesuaikan strategi-strategi itu dengan konteks tempatan bagi memastikan jalan raya negara menjadi lebih selamat untuk semua pengguna.

** Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia*